



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

 Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Utusan Malaysia - SPRM, Jabatan Audit Negara Pantau Jawatankuasa Khas Bajet 2018](#)

Utusan Malaysia - SPRM, Jabatan Audit Negara Pantau Jawatankuasa Khas Bajet 2018

 Jumaat, Nov 03 2017



SPRM, Jabatan Audit Negara pantau jawatankuasa khas Bajet 2018

PUTRAJAYA 1 Nov. - Sebuah jawatankuasa khas yang ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan projek dan program dalam Bajet 2018 akan turut membabitkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Audit Negara bagi mengelakkan ketirisan.

Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, jawatankuasa dipengerusikan oleh beliau sendiri itu akan turut melibatkan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah sebagai timbalannya dan ketua setiausaha di setiap kementerian.

"Kementerian Kewangan sedang menyiapkan senarai lengkap jawatankuasa ini dan mesyuarat pertama dijangka dibuat dalam masa dua minggu lagi.

"Pihak SPRM dan Jabatan Audit Negara akan disertakan sekali supaya pemantauan terhadap pelaksanaan setiap program dan

projek di bawah Bajet 2018 berjalan lancar dan siap mengikut tempoh ditetapkan," katanya selepas merasmikan Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Mohd. Irwan Serigar kelmarin mengenai penubuhan sebuah jawatankuasa khas bagi memastikan kelancaran projek serta program yang digariskan dalam Bajet 2018 oleh semua agensi kerajaan.

Dalam pada itu Ali berkata, bagi mempercepatkan lagi pelaksanaan program di bawah bajet tersebut, pihaknya juga membenarkan program yang sesuai dilaksanakan segera tanpa perlu menunggu sehingga Januari ini.

Tambahnya, bermula tahun hadapan, kejayaan pelaksanaan projek kerajaan mengikut jadual dan kos ditetapkan akan menjadi petunjuk prestasi utama (KPI) baharu bagi semua ketua setia-

saha kementerian.

Katanya, langkah itu bagi memastikan inisiatif dalam Bajet 2018 dilaksanakan segera tanpa sebarang kepincangan.

Sementara itu, menyentuh mengenai sambutan majlis tersebut katanya, beberapa pendekatan baharu telah diambil dalam perkhidmatan awam bagi meningkatkan keupayaan kakitangan awam dan sistem penyampaian.

Katanya, antara langkah yang diambil ialah menyediakan barisan kepimpinan perkhidmatan akan datang tanpa mengira umur untuk mengikuti program *fast track*.

"Selain itu, penstrukturan semula jabatan dan agensi tertentu seperti Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu) juga akan dibuat bagi memikul peranan yang lebih besar dalam meningkatkan keupayaan perkhidmatan awam," katanya.

**Pekeliling
Perbendaharaan**



[BISNES](#)[AGENSI](#)[WARGA](#)

Perkhidmatan MOF

[Perkhidmatan Atas Talian](#)[Aplikasi Mudah Alih](#)[Laman Mikro](#)[e-Penyertaan & Maklumbalas](#)[Statistik & Prestasi](#)[Pautan](#)[Agensi](#)

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

 03-8000 8000

 03-88823893 / 03-88823894

 [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: 12 Februari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216